



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**24 Oktober 2024
21 Rabiulakhir 1446H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	• Penyelam bawa naik 100kg pukot hantu
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
The Sun	•
Malaysiakini	•
Bernamea	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	/	NEUTRAL		28	24.10.24



Shafuan (dua dari kanan) bersama kumpulan penyelam yang berjaya membawa naik pukat hantu seberat lebih 100kg ketika aktiviti pembersihan dasar laut di perairan Pulau Tenggol, baru-baru ini.

Penyelam bawa naik 100kg pukat hantu

SH.MS28

DUNGUN - Sekumpulan penyelam yang menyertai aktiviti membersihkan dasar laut berjaya menaikkan pukat hantu seberat lebih 100 kilogram (kg) yang dikesan tersangkut di kawasan terumbu karang dekat perairan Pulau Tenggol di sini.

Seorang penyelam, Shafuan Zainoddin, 50, berkata, proses pembersihan itu dijalankan pada 14 Oktober lalu selepas pihaknya mengesan kewujudan pukat tersebut ketika melakukan aktiviti selaman di lokasi berkenaan.

Menurutnya, pukat jenis jerut itu dipercayai hanyut ke kawasan berkenaan sebelum tersangkut di kawasan berbatu yang menjadi

habitat terumbu karang, sekali mengancam hidupan marin.

"Pukat hantu ini mula dikesan pada 7 Oktober lalu dan kita berjaya naikkan ke darat seminggu kemudian. Ia adalah pukat kelima berjaya dibawa naik sejak kami jalankan operasi pembersihan dasar laut bermula tahun lepas.

"Kami mengesan kedudukan pukat itu pada jarak 15 hingga 24 meter dari permukaan di mana terdapat banyak spesies hidupan laut termasuk ikan yang masih baru telah mati akibat terperangkap pada pukat tersebut," katanya ketika dihubungi di sini, pada Rabu.

Shafuan berkata, operasi membawa naik pukat tersebut dari dasar laut ke daratan mengambil masa kira-kira satu jam.

Beliau yang juga pemilik CWS Travel & Adventure Sdn Bhd berkata, pihaknya telah memaklumkan kepada Jabatan Perikanan Negeri Terengganu, Majlis Perbandaran Dungun serta Tourism Malaysia Terengganu berhubung aktiviti pembersihan itu.

Shafuan memberitahu, ia bagi memastikan jaminan terhadap aspek keselamatan kesemua tujuh penyelam yang terlibat.